

Malayan Law Journal Unreported/1995/Volume/TELEVISION BROADCASTS LTD DAN SATU LAGI LWN
PUSAT VIDEO GLOBE DAN LAIN-LAIN - [1995] MLJU 412 - 8 June 1995

10 pages

[1995] MLJU 412

TELEVISION BROADCASTS LTD DAN SATU LAGI LWN PUSAT VIDEO GLOBE DAN LAIN-LAIN

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR)
MOHD NOOR AHMAD H
GUAMAN NO D-1-22-1401 TAHUN 1990
8 June 1995

Manjit Singh dan Vickra Raj (Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi & Partners) bagi pihak perayu/defendant kedua.

Yvonne Raj (Jerald Gomez & Associates) bagi pihak responden/plaintif.

NOTA KETERANGAN

G.S. 22-1401-90

En. Manjit Singh dan En. Vickra Raj b/p Perayu/Def. 2.

Cik Yvonne Raj b/p Resp./Plf.

Re. (73).

En. Manjit berhujjah -

- 1) Re (73) & (62).
- 2) Writ difaikkan dalam 1990. Fakta-fakta kes. Ketika itu Def. 2 tidak dinamakan Def. Def. 2 kedua ketika itu adalah Ang Pool Gan - sejajar dengan (48) eks. NSM-2 & NSM-3, adalah pemilik Def. 2. Pada 25.2.89 Def. 2 ketika itu telah keluar dari Def. 1 dan pemilik tunggal ialah Def. 3. Rujuk (26) - Ng Sow Mooi dijadikan Def. 2 pada 9.3.92 - re (30). Plentif tidak membuat pindaan kepada Writ dan Writ itu tidak diserahkan kepada Ng Sow Mooi. Penghakiman ingkar Pembelaan dibuat pada 27.7.93 terhadap Def. 2 (l.k. 1 tahun 3 bulan selepas pindaan kepada Writ)

[1995] MLJU 412 at 2

Kehaziran dibuat oleh Def. 2 pada 3.6.94. Ketika itu Def. 2 tidak tahu tentang Penghakiman itu kerana tidak diserahkan kepadanya. Def. 2 telah memohon untuk mengenepikan Penghakiman itu dan permohonan untuk membatalkan Writ re (49) dan (55) pada 31.5.94 dan 23.6.94. Pada 8.7.94 Plentif memohon kehaziran Def. 2 diketepikan kerana tidak mendapatkan kebenaran Mahkamah atas bantahan awal, yang dibenarkan oleh Mahkamah. Selepas itu Def. 2 menfaikkan permohonan (62) l.k. 2 bulan kemudian.

- 3) Rujuk O.20r.1(2) RHC. Writ yang dipinda tidak diserah kepada Def. 2 hingga sekarang. Tidak terdapat Writ yang dipinda dengan dakwat merah - Hanya terdapat seperti (26). Pindaan tidak boleh dibuat sehingga 'leave' diberi. Rujuk Mallal's Sup. Ct. Practice edisi 2 - O.20r.1(2). Rujuk The Sup. Ct. Practice 1995 Vol. 1 @ 362, 364. Def. 2 tidak diserahkan dengan Writ yang dipinda sehingga sekarang - re (48)

- para. 7. Re (55) para. 5, 6, 7, (56) para. 3 & (61) para. 5, 6. Def. 2 yang asal bukanlah seorang yang 'fictitious'. Rujuk Ketterman & Ors. v. Hansel Prop. Ltd. (1988) 1 All E.R. 37 @ 38; Bank of America Nat. Trust & Saving Asso. v. Chairman & Ors. (1993) Vol. Lloyd's LR 137 @ 146.
- 4) Rujuk O.3r.6 RHC - Rujuk Mallal's Sup. Ct. Practice Ed. 2 Vol. @ 16. Disini Def. 2 tidak diberi sebarang notis; Rujuk Suedeclub Co. Ltd. (1981) All ELR Ch. D, 671. [1995] MLJU 412 at 3
- 5) Oleh itu, Penghakiman tersebut adalah "irregular", Rujuk MBB v. Syk. Jaya Perkakas (Sabah) Sdn. Bhd. v. 4 Ors. (1993) 3 AMR Supp. Rep. @ 1059.
- 6) PSP.

t.t. MOHD. NOOR BIN HJ. AHMAD

Tangguh sekejap.

t.t. MOHD. NOOR BIN HJ. AHMAD

Cik Yvonne menjawab -

- 1) Def. 2 pohon perlanjutan masa. Yang penting ialah Pem. mesti memberi sebab kelewatan. Sebab-sebab tidak diberi diatas kelewatan hampir 4hb (6.9.90-3.6.94) walhal Def. 2 diwakili oleh peguamcara semenjak 1991. Rujuk (61) para. 6, iaitu tidak tahu Penghakiman ingkar telah dirakamkan dari para. 8 - pembelaan yang ada merit. Fakta-fakta yang tidak disebut oleh En. Manjit re (63) para. 5, (25) para. 3, 4, (24) juga berkata sedemikian. Per. (26) diserahkan kepada peguam Def.
- 2) Rujuk IN @ 1, 3 - walaupun sebab-sebab kelewatan diberi, Mahkamah tidak membenarkan. Re @ 7, 9, 10, 11, 13, 14.

t.t. MOHD. NOOR BIN HJ. AHMAD

Tangguh - 2.45 ptg.

t.t. MOHD. NOOR BIN HJ. AHMAD

[1995] MLJU 412 at 4

Sambungan @ 2.45 ptg.

Cik Yvonne sambung -

- 1) Perintah dipinda nama dalam Writ diserah kepada peguam Def. 2. Rujuk (36) eks. WKS-4 - t.t. 28.4.92. Tiada sebab kelewatan diberi oleh Def. 2 samada dari 6.9.90, dan lain-lain tarikh berkenaan.
- 2) Re Penghakiman yang dikatakan tidak 'regular'.
- Alasan pertama - re IN @ 47 & 48 O.20r.5(3); rujuk O.20r.1(3); pindaan itu tidak perlu diserah semula dibawah O.20r.5 kerana tiada peruntukan untuk berbuat demikian. Rujuk @ 49, 52, 56. Pindaan nama disebabkan oleh kelakuan Def. 2 sendiri dalam menggunakan nama samaran dan dalam penggunaan nama lain. Pindaan itu tidak 'misleading' kerana orang yang sama. Def. 2 tidak boleh menggunakan tingkahlakunya sendiri (frod dan misrepresentasi) sbg. alasan yang sah.
 - Prosiding sedang dan telah dijalankan oleh Plentif. Itu adalah dari rekod Mahkamah. Dalam kes ini Plentif tidak 'abandon' tindakan. Dari 9.3.92 Plentif tidak failkan S/C untuk 'leave' komitan yang didengar pada 14.5.92, ditangguh sehingga 17.8.92, 26.11.92, 18.3.93 dan 10.6.93. Penghakiman ingkar dimasukkan pada 27.7.93. Oleh itu, Plentif tidak perlu memberi sebarang notis kepada Def. 2. Malahan Def. 2 sedang mengelakkan penyerahan. Y.A. Dato' Sheikh Daud

[1995] MLJU 412 at 5

telah mengecualikan penyerahan pada 12.5.94.

- 3) Untuk melanjutkan masa, "there must be some material for Ct. to exercise its discretion." Tiada sebarang fakta tentang Pembelaan, hanya mengatakan ia ada Pembelaan yang bermerit. Re IN @ 15, 20, 21, 21, 38.
- 4) Def. 2 tidak bona fides - Per. Def. 2 difaiklan hanya untuk melengahkan masa. Re (36) eks. WKS-1, WKS-2, WKS-3, WKS-4, WKS-5, WKS-6, WKS-7. Plentif telah mendapat 'leave' untuk Waran Pengkomitan dikeluarkan terhadap Def. 2 tapi ia masih meneruskan kegiatannya. Ia tidak dapat dikesan sehingga serbuan dibuat di tempat lain - re (40). Hanya selepas, Waran Pengkomitan dibuat yang ia, mengambil langkah dalam prosiding ini. Def. 2 tidak menetapi temujanji yang dibuat.
- 5) Pohon ditolak dengan kos.

t.t. MOHD. NOOR BIN HJ. AHMAD

En. Manjit membalas secara terakhir -

- 1) Soalnya ialah samada Plentif patuh kepada prosidur. Rujuk IN (3), (9), 46.
- 2) Re O.25r.(3), O.25r.5(3) - Rujuk (48) para. 6 & 9. Def. 2 menafikan yang ia adalah Ang Pooi Gan. (S/C dari afidavit itu ditolak oleh Mahkamah kerana soal "locus' sahaja). Serbuan dibuat atas Pusat Video Kim tapi Perintah diperolehi atas Pusat Video Globe. Penghantar Proses terpaksa menyerah Writ itu kepada orang berkenaan. Itu bukanlah pembetulan nama tapi
[1995] MLJU 412 at 6
menggantikan orang lain. Oleh itu, O.20r.5(3) tidak terpakai. Rujuk IN @ 49, 58. Penyerahan masih perlu. Nas-nas yang dibangkitkan oleh Yvonne adalah kaitan dengan rayuan dimana terdapat had masa. Peg. tidak boleh berbuat apa-apa kerana Writ tidak diserahkan, Def. 2. tidak boleh membela dirinya kerana tidak diserah dengan Writ Yang DiPinda. Rujuk (48) eks. NSM-2, NSM-3 - Ang Pooi Gan adalah seorang lelaki. Ng Sow Mooi adalah seorang perempuan re (27) para, 9 eks GS-1.
- 3) Re Notis selepas 1 tahun.
- 4) Pohon dibenarkan

t.t. MOHD. NOOR BIN HJ. AHMAD

Tangguh - 12.4.95 @ 11.00 pagi.

t.t. MOHD. NOOR BIN HJ. AHMAD

Dihadapan saya Dalam Mahkamah Terbuka di Kuala Lumpur pada 12hb April, 1995.

t.t.

Datuk Wira Hj. Mohd. Noor bin Hj. Ahmad Hakim, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur.

G.S. 22-1401-90

Pihak-pihak adalah sama.

En. G. Gomez bersama Yvonne Raj.

Cik Yvonne tambah.

Kenyataan-kenyataan En. Manjit yang tidak benar - lihat lampiran.

t.t. MOHD. NOOR BIN HJ. AHMAD

En. Manjit membalias -

- 1) Bantah kerana dikatakan tidak benar - Re (27) - alamat yang sama tapi Pusat Video Kim. Re (24).
[1995] MLJU 412 at 7
- 2) Lain-lain kenyataannya adalah benar.

t.t. MOHD. NOOR BIN HJ. AHMAD

Pendapat Mahkamah

Dari fakta-fakta, Mah. berpuashati bahawa -

- 1) Penyerahan Writ telah dibuat keatas Def. 2 yang telah mengaku dirinya sebagai Ang Pooi Gan. Tidak terdapat salah identiti Def. 2 cuma tentang kesilapan nama yang disebabkan oleh Def. 2 sendiri yang mengaku dirinya sebagai Ang Pooi Gan. Ini tidak dinafikan.
- 2) Pindaan Writ itu hanya tentang nama Def. 2 sahaja bukan penukarann pihak-pihak. Oleh itu, O.20r.5(3) RHC terpakai. Penyerahan tidak perlu dibuat sekali lagi.
- 3) Tingkahlaku Def. 2 juga mala fides.
- 4) Penghakiman ingkar adalah regular. Tidak terdapat bahan-bahan yang material untuk Mah. menggunakan budibicaranya.
- 5) Plentif telah menjalankan prosiding terhadap Def. 2 secara berterusan. Oleh itu, O.3r.6 RHC tidak terpakai.

t.t. MOHD. NOOR BIN HJ. AHMAD

P- Rayuan ditolak dengan kos.

t.t. MOHD. NOOR BIN HJ. AHMAD

[1995] MLJU 412 at 8

Defendant 2 merayu terhadap keputusan saya yang menolak rayuannya terhadap keputusan Timbalan Pendaftar yang menolak dengan kos permohonannya, diantara lain, untuk masa baginya memasukkan kehaziran dilanjutkan, ia dibenar memasukkan kehaziran walaupun penghakiman ingkar telah dibuat terhadapnya dan ia dibenar untuk meneruskan dengan pembelaannya.

2. (1) Plentif-Plentif menuntut terhadap Defendant-Defendant, diantara lain, beberapa injunksi untuk menyekat dan menahan Defendant-Defendant dan orang-orang tertentu dari melanggar dengan apacarapun hakcipta kepunyaan Plentif-Plentif dalam filem-filem yang disinaraikan dalam Jadual yang disertakan bersama-sama dengan Penyata Tuntutan. Tuntutan Plentif-Plentif terhadap Defendant 2 adalah sebagai salah seorang dari orang-orang yang bertanggungjawab atas pengurusan dan perjalanan perniagaan Defendant 1 dipremis berkenaan pada masa yang material.

(2) Latar belakang kes ini mengikut susunan peristiwa yang berkaitan dengan Defendant 2 adalah seperti berikut -

Pada 5.9.90	<ul style="list-style-type: none"> - Writ difailkan terhadap Defendant-Defendant dan nama Defendant 2 disebutkan sebagai Ang Pooi Gan. - Perintah Ex parte diberi terhadap Defendant-Defendant, diantara lain, secara ringkas melarang Defendant-Defendant dari melanggar hadcipta Plentif-Plentif tersebut.
Pada 6.9.90	<ul style="list-style-type: none"> - Writ bersama Penyata Tuntutan dan Perintah Ex parte diserah kepada Defendant 2 secara kediri.
Pada 9.3.92	<ul style="list-style-type: none"> - Perintah diberi untuk menukar nama Defendant 2 kepada Ng Sow Mooi dalam semua dokumen dalam tindakan termasuk Writ dan kebenaran diberi untuk Plentif-Plentif mem-

	buat permohonan meminta Perintah Pengkomitan terhadap Defendan 2 atas sebab menghina Perintah Ex parte itu.
Pada 27.7.93	- Perintah Ingkar kerana tidak menafalkan pembelaan telah diberi terhadap Defendan 2.
Pada 12.5.94	- Perintah Pengkomitan dibuat terhadap Defendan 2.
Pada 31.5.94	Pada 31.5.94 - Defendan 2 memohon, diantara lain, Writ dan Penyata Tuntutan dibatalkan, Perintah menukar nama Defendan 2 - kepada Ng Sow Mooi diketepikan dan pelaksanaan tindakan digantungkan.
Pada 3.6.94	- Kehaziran dimasukkan oleh Defendan 2.
Pada 23.6.94	- Defendan 2 memohon Perintah Ingkar, Perintah Pengkomitan dan Waran Untuk Pengkomitan diketepikan.
Pada 8.7.94	- Kehaziran Defendan 2 diketepikan.
Pada 21.10.94	- Defendan 2 membuat permohonan yang menjadi isi rayuan ini.

[1995] MLJU 412 at 9

(3) Dari fakta-fakta kes adalah jelas bahawa -

- (i) Penyerahan Writ dibuat secara kediri keatas Defendan 2 yang telah mengaku dirinya sebagai Ang Pooi Gan.
- (ii) Writ Terpinda mengenai Defendan 2 kenama Ng Sow Mooi tidak disedia dan diserahkan semula.
- (iii) Defendan 2 telah diwakili oleh peguam semenjak awal-awal lagi (lihat Lampiran (36) eks. WKS-1, WKS-2, WKS-3, WKS-4, WKS-5 dan WKS-6).
- (iv) Terdapat kelewatian yang tidak menasabah dipihak Defendan 2 dalam membuat permohonan yang menjadi isi rayuan ini. Sekurang-kurangnya kelewatian adalah selama lebih kurang 33 bulan semenjak bulan Januari 1992 lika dikira dari tarikh yang terdapat dalam Lampiran (36) eks. WKS-1.

3. Setelah meneliti bukti secara afidavit, saya berpuashati bahawa -

- (1) Penyerahan Writ dan Penyata Tuntutan telah dibuat secara kediri keatas Defendan 2 yang telah mengaku dirinya sebagai Ang Pooi Gan (lihat Lampiran (10) perenggan-perenggan 2, 3, 9 dan 11, Lampiran (24) perenggan-perenggan 3, 4 dan 5, Lampiran (25) perenggan-perenggan 3 dan 4 dan Lampiran (27) perenggan-perenggan 2, 5, 8 dan 9). Tidak terdapat apa-apa kesilapan tentang identiti Defendan 2 akan tatapi hanya kesilapan nama Defendan 2 yang disebabkan oleh Defendan 2 sendiri yang mengaku dirinya sebagai Ang Pooi Gan. Pengakuan Defendan 2 yang dikatakan itu tidak dinafikan olehnya secara khusus. Olehsebab yang demikian, hakikat bahawa Ang Pooi Gan adalah seorang lelaki menakala Ng Sow Mooi adalah seorang perempuan dan masing-masing mempunyai bilangan kad pengenalan yang berlainan dan juga Ng Sow Mooi tidak pernah menjadi pemilik Defendan 1 adalah tidak relevan (lihat Lampiran (48) eks. NSM-2 dan NSM-3).
- (2) Pindaan Writ itu hanyalah tentang nama Defendan 2 sahaja yang tidak melibatkan penambahan atau penukaran sesuatu pihak atau kapasiti sesuatu pihak dalam tindakan. Oleh itu, peruntukan Aturan 20 Kaedah 5(3) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 adalah terpakai [lihat *EVANS CONSTRUCTION CO. LTD. V CHARRINGTON & CO. LTD. AND ANOR.* (1983) 1 ALL ER 310 @ 313gh dan 317ef]. Oleh itu, Writ Terpinda tidak perlu disedia dan diserahkan semula.
- (3) Prinsip adalah jelas bahawa dalam sesuatu permohonan untuk perlanjutan masa pemohon hendaklah memberi

[1995] MLJU 412 at 11

sebab-sebab kelewatian untuk membolehkan Mahkamah menggunakan budibicaranya. Ini adalah kerana kaedah-kaedah Mahkamah hendaklah prima facie dipatuhi [lihat REVICI & PRENTICE HALL

INCORPORATED AND ORS. (1969) 1 ALL ER 772 @ 774DF; ONG GUAN TECK & ORS. V HIJJAS (1982) 1 MLJ 105 @ 106CDE kanan dan EU HOONG CHWEE V CHUA SAY TIONG (1968) 2 MLJ 12 @ 13HI kiri hingga ABCD kanan]. Dalam hal ini, Defendan 2 tidak memberi sebarang penjelasan atas kelewatan tersebut. Oleh itu, tidak terdapat bahan-bahan yang material untuk Mahkamah menggunakan budibicaranya.

- (4) Defendan 2 tidak langung menimbulkan pembelaan yang bermerit.
- (5) Tingkahlaku Defendan 2 seperti mana yang diuraikan dalam Lampiran-Lampiran (10), (24), (25) dan (27) adalah mala fides. Pendapat ini juga diasaskan atas hakikat bahawa walaupun is telah diwakili oleh peguam semenjak awal-awal lagi ia lewat memasukki kehaziran dan membuat permohonan yang menjadi isi rayuan ini, dan itu pun dibuat, pada pendapat saya, kerana Perintah Penghomitan telah dibuat dan Waran Untuk Pengkomitan telah dikeluar terhadapnya.
- (6) Dari fakta-fakta kes, Plentif-Plentif telah menjalankan prosiding ini terhadap Defendan 2 secara berterusan. Oleh itu, peruntukan Aturan 3 Kaedah 6, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 mengenai notis niat untuk meneruskan prosiding tidak terpakai.

4. Dengan itu, rayuan Defendan 2 ditolak dengan kos.